

07/08/2002

'Rakyat boleh pilih wanita jadi TPM'

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

PETALING JAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak membantah jika rakyat negara ini mahukan seorang wanita menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Malah, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menjadi masalah jika suatu hari nanti seorang wanita juga menjadi Perdana Menteri.

"Tak apa jika rakyat mahukan, mereka boleh pilih wanita, saya tiada bantahan, (wanita) jadi Perdana Menteri pun tak apa," katanya selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002 di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang akan bersara mulai Oktober tahun depan menjawab pertanyaan seorang pemberita dari akhbar berbahasa Cina sama ada wanita boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri atau tidak.

Ditanya kenapa tiada wanita dilantik sebagai naib canselor universiti tempatan, beliau berkata kerajaan tidak perlu terburu-buru kerana akan tiba masanya pelantikan seumpama itu dibuat.

"Kini sudah ramai wanita memegang jawatan tinggi dalam kerajaan seperti ketua setiausaha kementerian," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengulas laporan bahawa beliau akan menemui pemimpin pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi, ketika lawatannya ke negara itu pada 18 dan 19 Ogos ini.

"Tiada pengesahan, tiada apa-apa, tidak ada kenyataan," katanya.

Laporan sebuah akhbar tempatan hari ini memetik sumber Kementerian Luar sebagai berkata, Perdana Menteri dijangka menemui Suu Kyi sempena lawatan itu sebagai memenuhi permintaan pemimpin pembangkang Myanmar itu.

Dr Mahathir enggan menyatakan sama ada beliau bersedia menemui Suu Kyi yang juga pemenang Hadiah Nobel Keamanan 1991 itu, jika menerima jemputan.

Beliau hanya mengesahkan akan melawat Myanmar atas jemputan kerajaan tentera Junta.

Lawatan rasmi selama dua hari yang bermula 18 Ogos ini adalah yang kedua oleh Dr Mahathir. Lawatan itu adalah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe ke Malaysia sebanyak dua kali pada 1996 dan September lalu.

Suu Kyi dibebaskan Mei lalu selepas hasil usaha rundingan antara utusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail, dari Malaysia dengan junta tentera yang menghasilkan rundingan rahsia bagi memecahkan kemelut itu.

Pembebasan Suu Kyi, 56, dianggap kejayaan besar selepas lebih sedekad kebuntuan politik di negara itu.

Suu Kyi muncul sebagai pemimpin pergerakan demokrasi Myanmar pada 1988 selepas tentera menyekat bantahan antikerajaan. Myanmar yang kini menganggotai Asean diperintah pihak tentera sejak 1962.